

INTERVIU DENGAN....

Singapura boleh kongsi pengalaman tangani ancaman penganasan



TERIMA KASIH KEPADA SINGAPURA: Kanak-kanak Syria yang menjadi pelarian di Turkey mengucapkan terima kasih kepada satu rombongan Singapura bagi kempen Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) semasa mereka melawat ke negara itu. Kempen Asrit adalah usaha sama Ekspatriat Muslim AMP (MEX) dan SimplyIslam. - Foto ASRIT

1/2

23 Oct 2014

NIZAM ISMAIL

SINGAPURA boleh membantu memerangi militan IS dengan pelbagai cara - bukan sahaja dari segi risikan malah juga berkongsi dengan masyarakat dunia tentang pengalamannya menepis ancaman penganasan.

Inisiatif negara ini dalam menganjurkan kesederhanaan dan menolak semua bentuk keganasan dan ekstremisme boleh dijadikan sandaran yang juga boleh dikongsi di peringkat antarabangsa.

Penolong Profesor di Sekolah Pengajian Antarabangsa S Rajaratnam (RSIS) Universiti Teknologi Nanyang, Dr Mohamed Nawab Mohamed Osman, berkata pengalaman Singapura membentengi negara ini daripada ideologi penganasan wajar dikongsi.

Dr Mohamed Nawab berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, tentang Singapura sedang menimbang dengan serius bagi membantu memerangi kumpulan militan IS.

Encik Lee memberitahu pemimpin Asia dan Eropah semasa Rahat Pemimpin pada hari terakhir Sidang Puncak Asia-Eropah (Asem) di Milan, Italy, baru-baru ini bahawa tiada huraian ketenteraan semata-mata bagi masalah ini kerana keadaan di Iraq dan Syria kompleks, tetapi langkah membendung dan melemahkan IS masih perlu.

"Singapura mungkin boleh menyertai kesepakatan yang ada di antara Amerika Syarikat dengan negara-negara lain yang kini menentang militan IS.

"Namun cara lain bagi Singapura adalah dengan memaparkan strategi terbaik bagaimana pengalamannya menepis dan membendung pengganasan di negara ini.

"Sejauh ini Singapura telah membuktikan kemampuannya," jelas Dr Mohamed Nawab.

Menurut Dr Mohamed Nawab lagi, pengekangan pengganasan dan gerakan militan di negara ini dapat dibendung hasil usaha keberkesanan risikan yang dijalankan oleh pihak berkuasa.

Ketangkasan risikan negara ini mampu dikongsi di peringkat antarabangsa dan rantau Asia Tenggara dalam memerangi militan IS.

Namun usaha melancarkan kempen bagi menggerakkan pendapat dunia terhadap pengganasan IS juga perlu dijalankan.

"Kita telah pun dan akan terus mengisytiharkan IS sebagai militan yang bukan sahaja mengorbankan nyawa bahkan turut menimbulkan ketidakstabilan sesebuah negara serta mengancam keselamatan serantau.

"Kita juga akan terus menyelar militan IS yang menggunakan nama jihad Islam untuk melakukan kekejaman peperangan.

"Ini walaupun Islam adalah agama menganjurkan keharmonian dan kesederhanaan," ujarinya.

Menurut Dr Mohamed Nawab lagi, jihad yang perlu dilakukan masyarakat Singapura amnya dan warga Islamnya adalah membantu mengembalikan keyakinan di kalangan warga Syria dan Iraq yang menjadi pelarian.

Beliau yang juga Pengerusi Ekspatriat Muslim AMP (MEX) turut menukil usaha yang dijalankan pihaknya dalam kempen Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) anjuran bersama dengan SimplyIslam yang dihulurkan kepada penduduk Syria baru-baru.

Ini adalah antara cara Singapura membantu masyarakat antarabangsa, ujarinya.

Kini projek Asrit termasuk membina sekolah bagi membantu masyarakat di Syria.

"Ada banyak cara untuk berjihad dan membantu. Keselamatan dan kehidupan mereka perlu dikembalikan kepada rakyat Syria dan Iraq.

"Mereka yang menggunakan nama Islam untuk mewajarkan kegiatan melampau perlu dibendung baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

"Ini agar kita dapat mengalahkan keganasan dan sikap tidak berperikemanusiaan di Iraq dan Syria," ujar Dr Mohamed Nawab.